

Headline	RM22 juta iklan dalam akhbar bahasa Melayu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	3
ArticleSize	65 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,888		



RM22 juta iklan dalam akhbar bahasa Melayu

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Syarikat milik kerajaan (GLC) hanya membelanjakan RM22 juta bagi tujuan pengiklanan dalam akhbar berbahasa Melayu, lebih rendah 50 peratus berbanding pengiklanan yang dibuat di dalam akhbar berbahasa Inggeris iaitu RM49 juta bagi tempoh tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pada tahun 2012 pula, jumlah pengiklanan yang dibuat oleh 17 GLC yang diletakkan di bawah program transformasi GLC kepada akhbar berbahasa Melayu hanya RM39 juta berbanding RM89 juta untuk akhbar berbahasa Inggeris.

“Antara syarikat yang tergolong dalam GLC ini ialah Axiata Group Berhad, Sime Darby Berhad, CIMB Group Holding Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

“Pengiklanan oleh kumpulan GLC ini dibuat dalam akhbar-akhbar bahasa Melayu utama, antaranya *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* manakala *The Star* dan *New Straits Times* untuk akhbar bahasa Inggeris,” katanya.